



UTAMA

AM

POLITIK

EKONOMI

SUKAN

RENCANA

DUNIA

[Laman Utama](#) | [Tentang BERNAMA](#) | [Peta Laman](#) | [Hubungi Kami](#) | [Senarai Berita](#) | [Arkib Berita](#)
[A+](#) | [A-](#) | [Reset](#)
[Malay](#) | [English](#) | [中文](#) | [عربي](#)

BERNAMA.COM

utama » berita

CARIAN

GO

13 Ogos, 2009 18:55 PM

icapital.biz Ramal FBM KLCI Capai Paras 1,500 Dalam Dua Tahun

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) dijangka meningkat di antara lima dengan 10 peratus daripada paras semasa menjelang akhir tahun, kata pengarah urusan icapital.biz Bhd (icapital), Tan Teng Boo.

FBM KLCI mengakhiri dagangan pada 1,186.19 hari ini, meningkat 5.65 mata daripada semalam.

Tan juga mengunjurkan FBM KLCI mencecah 1,500 mata dalam tempoh dua tahun, bergantung kepada perkembangan ekonomi di negara ini dan juga di peringkat global.

"Asalkan Malaysia tidak menghadapi bencana besar, prospek jangka panjang bagi Bursa Malaysia tetap positif," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini Khamis.

Tentang prospek ekonomi, Tan percaya ekonomi global yang diterajui China telahpun memulakan pemulihan bentuk V manakala peningkatan semasa merupakan permulaan pasaran baru yang kukuh.

Beliau juga percaya penguncupan ekonomi global dalam tiga suku yang lalu bukan disebabkan oleh masalah gadai janji atau subprima AS.

"Analisis menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi global menguncup hanya selepas keruntuhan perniagaan Lehman Brothers pada 15 September, 2009.

"Dalam 12 bulan yang lalu, ekonomi global yang terjejas oleh krisis kewangan yang diterajui AS, melalui tempoh yang sangat gawat, menyebabkan pelabur-pelabur kebingungan," katanya.

Sementara itu, satu-satunya dana tertutup yang disenaraikan di Malaysia, icapital.biz, mencatatkan pendapatan sebanyak RM11.414 juta bagi tempoh berakhir 31 Mei, 2009, susut sebanyak RM34.252 juta atau 75 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Sehingga Julai tahun ini, syarikat itu telah melabur dalam 17 syarikat tersenarai termasuk Parkson Holdings, Astro, KL-Kepong Bhd, F&N Holdings Bhd dan Petronas Dagangan Bhd, dengan menduduki tempat teratas dari segi saiz jumlah keuntungan belum terealisasi.

Pelaburannya berjumlah RM156.99 juta manakala kenaikan belum terealisasi berjumlah RM60.80 juta.

Dana konservatif kini memiliki wang tunai di bawah paras RM40 juta yang, menurut Tan, adalah yang terendah dalam sejarah dana itu, dan mencerminkan begitu banyak saham murah yang ditawarkan oleh Bursa Malaysia.

-- BERNAMA

**Kami menyediakan langganan
berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).**



[Laman Utama](#) | [Am](#) | [Politik](#) | [Ekonomi](#) | [Sukan](#) | [Rencana](#) | [Dunia](#) | [Senarai Berita](#) | [Arkib Berita](#) | [Suapan RSS](#) | [Hubungi Kami](#) | [Pautan](#)
[Media Relations & Event Management \(MREM\)](#) | [BERNAMA Library Infolink Service \(BLIS\)](#) | [BERNAMA Media](#) | [Perkhidmatan Foto BERNAMA](#) | [BESSAR](#)

© 2009 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan
 Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.
 Paparan terbaik menggunakan Firefox 3.0 & Internet Explorer 7.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel

